



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/1/2011

PM rai wira bola sepak Piala Suzuki AFF Rabu ini

KUALA LUMPUR - Semua wira bola sepak negara yang membawa Malaysia menjulang Piala Suzuki AFF buat kali pertama bulan lalu, bakal diraikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di kediaman rasmi beliau, Rabu depan.

Malah, selain diraikan dalam satu majlis makan tengah hari di Seri Perdana, Putrajaya, Perdana Menteri juga dijangka mengumumkan ganjaran yang bakal dinikmati oleh 22 pemain negara hasil kejayaan menundukkan Indonesia pada perlawanan akhir.

"Skuad bola sepak yang menjulang Piala Suzuki AFF akan diraikan oleh Perdana Menteri pada 12 Januari ini dan selepas majlis tersebut, semua pemain mendapat penghormatan untuk makan tengah hari di Seri Perdana.

"Ganjaran yang bakal dinikmati mereka hasil kejayaan muncul juara juga akan diumumkan pada majlis berkenaan," kata Menteri Belia dan

Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada sidang akhbar di Menara KBS, Putrajaya semalam.

Skuad bola sepak negara yang dibimbing jurulatih, K. Rajagobal melakar sejarah apabila membawa pulang kejuaraan Piala Suzuki AFF selepas menumpaskan Indonesia menerusi agregat 4-2. Malaysia menang 3-0 di Bukit Jalil dalam final pertama pada 26 Disember dan kalah 1-2 dalam perlawanan timbal balik di Jakarta, tiga hari kemudian.

Semua 22 pemain negara sebelum ini telah dijanjikan dengan ganjaran tunai daripada dana yang dikutip oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM).

Selain daripada RM5,000 yang dijanjikan kepada setiap anggota pasukan, mereka juga bakal menerima agihan RM90,000 daripada sumbangan yang berjaya dikutip oleh dana berkenaan.